



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI  
KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN  
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE,  
ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - SELCAT) BAGI DEWAN  
UNDANGAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KEDUA BELAS  
TAHUN 2008**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI  
KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN  
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE,  
ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - SELCAT) BAGI DEWAN  
UNDANGAN NEGERI SELANGOR KEDUA BELAS TAHUN 2008**

---

**1. LATAR BELAKANG**

- 1.1. Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency - SELCAT) Bagi Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan Kedua Belas Tahun 2008 ditubuhkan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor dalam Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Kedua belas yang bersidang pada 26 Mei 2008 (Isnin) melalui peruntukan Peraturan Tetap 71(1) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor.
- 1.2. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memantau selia dan memeriksa keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam segala urusan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan semua agensi, badan berkanun, pihak-pihak berkuasa dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan atau di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

**2. AHLI JAWATANKUASA**

- 2.1. Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) adalah seperti berikut:-
  1. Y.B. Tuan Teng Chang Khim - Pengerusi  
Tuan Speaker, Dewan Negeri Selangor  
(ADUN Sungai Pinang)
  2. Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha - Ahli  
Timbalan Speaker, Dewan Negeri Selangor  
(ADUN Kawasan Taman Medan)

3. Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali  
(ADUN Kawasan Bukit Antarabangsa) - Ahli
4. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib  
(ADUN Kawasan Hulu Kelang) - Ahli
5. Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin  
(ADUN Kawasan Bukit Gasing) - Ahli
6. Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak  
(ADUN Kawasan Permatang) - Ahli
7. Y.B. Tuan Ismail bin Sani  
(ADUN Kawasan Dusun Tua) - Ahli

### 3. PERKARA YANG DIMAKLUMKAN

- 3.1. Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) sehingga 14 Oktober 2008 telah mengadakan mesyuarat sebanyak 7 kali dan masih meneliti butir-butir berhubung Kes BALKIS dan Kes Peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor sehingga Mac 2008.

Penyata ini dikemukakan bagi dibentangkan sebagai makluman kepada Dewan yang mulia ini.



**TENG CHANG KHIM**

Pengerusi,  
Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan,  
Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT)